

Penularan COVID-19

# Negeri Sembilan, Perlis tak buka masjid untuk awam

**JHEAINS, MAIPs hadkan aktiviti pengimaranan untuk kekang jangkitan sepanjang PKP**

(kiri) Masiq Amin Jalil  
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) yang baharu bagi aktiviti di masjid dan surau dalam usaha mengekang penularan pandemik COVID-19.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata SOP baharu itu dikeluarkan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa hari ini hingga 7 Jun.

Katanya, SOP baharu itu tidak membenarkan masjid dan surau beroperasi untuk masyarakat awam.

Menerusi SOP baharu, hanya 12 orang membabitkan pentadbir, pegawai dan ahli jawatankuasa kariah masjid dibenarkan hadir untuk solat Jumaat dan solat fardu di masjid dan tiga jemaah untuk solat fardu di surau.

"Mereka dibenarkan hadir di masjid dan surau perlu mematuhi SOP ditetapkan, termasuk mengisi borang kehadiran yang disediakan selain memakai pe-

litup muka dan membuat imbasan MySejahtera atau merekodkan nama secara manual.

"JHEAINS sangat mengambil perhatian terhadap perkembangan terkini penularan COVID-19 sehingga menyebabkan beberapa masjid dan surau di Negeri Sembilan terpaksa ditutup sementara.

"Selepas mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, JHEAINS mengambil langkah pencegahan tegas bagi membendung penularan wabak berkenaan khususnya di masjid dan surau," katanya dalam kenyataan semalam.

Aminuddin berkata, ahli kariah yang tidak dapat menuaikan solat Jumaat perlu menggantikannya dengan solat Zuhur di rumah masing-masing.

"Bagaimanapun laungan azan di masjid dan surau adalah dibenarkan," katanya.

Katanya, polis bersama anggota penguat kuasa JHEAINS akan terus memantau pematuhan SOP di masjid dan surau.

Tegasnya, mana-mana individu yang melanggar SOP berkenaan bakal dikenakan tindakan mengikut Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1983, Akta Polis 1967, Seksyen 59 (Mengingkari arahan Pihak Berkuasa Agama) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.

Tindakan juga boleh diambil mengikut Seksyen 109 (Mengingkari perintah yang dilisytiharkan oleh penjawat awam) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 serta Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan

**JHEAINS sangat mengambil perhatian perkembangan terkini penularan COVID-19 sehingga menyebabkan beberapa masjid dan surau di Negeri Sembilan terpaksa ditutup sementara**

**Aminuddin Harun,  
Menteri Besar Negeri Sembilan**



**Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020.**

Sementara itu **BERNAMA** melaporkan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) memutuskan untuk mengehadkan aktiviti pengimaranan semua masjid di negeri ini bermula semalam.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah, tindakan itu susulan kewujudan kluster baharu penularan wabak membabitkan sebuah syarikat perkhidmatan di Kampung Bakau, di sini.

"Masjid tidak dibuka kepada awam, sebaliknya mereka yang dibenarkan menuaikan solat Jumaat dan solat lima waktu adalah dalam kalangan pegawai masjid serta ahli jawatankuasa masjid saja, iaitu tidak melebihi 12 orang dan tidak kurang tiga orang termasuk imam."

"Tempoh solat termasuk solat Jumaat perlu dipendekkan kepada 15 minit saja dan dilakukan di tempat terbuka serta mematuhi SOP seperti ditetapkan se-

belum ini," titah baginda menerusi kenyataan dikeluarkan MAIPs, semalam.

Tuanku Syed Faizuddin juga Yang Dipertua MAIPs bertitah, mereka yang bermusafir digalakkan menuaikan solat di penginapan masing-masing, manakala mereka yang tiada tempat penginapan boleh menuaikan solat di kawasan anjung masjid.

"Waktu solat bagi musafir adalah jam 5.30 hingga 6.30 petang bagi solat jamak taakhir Zuhur dan Asar, jam 9.30 hingga 10.30 malam untuk solat jamak Taakhir Maghrib dan Isyak."

"Bagi solat Subuh pula, ruang solat bagi musafir dibuka jam 6.30 hingga 7 pagi," titah baginda.

Tuanku Syed Faizuddin bertitah, akad nikah boleh dilaksana di premis persendirian dengan patuhi SOP ditetapkan MAIPs.

Baginda bertitah, MAIPs sentiasa meneliti perkembangan semasa penularan wabak dan akan memanjangkan keperluan ketepatan terkini berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa.